



**KENYATAAN MEDIA  
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA  
7 FEBRUARI 2025 / 8 SYAABAN 1446H**

---

**PREMIS PENGINAPAN WARGA ASING DISERBU**

Jabatan Imigresen Malaysia telah menggempur sepuluh (10) premis penginapan yang didiami oleh warga asing di sekitar Bandar Baru Bangi dan Kajang dalam satu operasi penguatkuasaan pada 6 Februari 2025. Operasi yang bermula jam 12.05 tengah malam melibatkan 51 pegawai pelbagai pangkat dari Bahagian Penguatkuasaan, Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya.

Serbuan dibuat berdasarkan aduan awam dan risikan yang dijalankan selama tiga hari. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, pasukan operasi diatur gerak ke premis penginapan tersebut dan telah memeriksa seramai 110 individu yang terdiri daripada warganegara asing dan warganegara tempatan.

Hasil pemeriksaan, seramai **66 warganegara asing** yang terdiri daripada 28 lelaki, 30 perempuan dan satu kanak-kanak perempuan warganegara Indonesia, enam lelaki warganegara Bangladesh dan satu lelaki warganegara Myanmar telah ditahan. Kesemua mereka ditahan kerana disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Sek. 6 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) dan Sek. 15 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155). Kesemua warganegara asing yang ditahan telah dihantar ke Depot Imigresen Bukit Jalil untuk siasatan dan tindakan lanjut.

Jabatan akan meneruskan tindakan tegas ke atas mana-mana pihak yang didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966, Peraturan-peraturan Imigresen 1963 dan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM). Tindakan tegas juga akan diambil terhadap mana-mana pihak yang menggaji dan melindungi PATI.

#TAMAT#

**DATO' ZAKARIA BIN SHAABAN  
KETUA PENGARAH IMIGRESEN  
MALAYSIA**